



The FOUR WEEKS To FREEDOM

Coretan Peribadi

**NOTIS: Anda Diberikan Kebenaran
Untuk Mencetak Repot Ini!**

Anda Boleh Juga Menyebarkannya Secara Percuma, Menjualnya atau Berkongsi dengan Orang Lain Selagi Anda Tidak Mengubah Kandungan dan Segala-galanya yang Terkandung di dalam Repot ini

Sudahkah anda mendengar rakaman sesi 'mentoring' bersama Jutawan Internet?

Jika belum, lawati laman web

<http://www.TheFourWeeksToFreedom.com>

Copyright © www.TheFourWeeksToFreedom.com. All Rights Reserved

No part of this consumer report may be reproduced or transmitted in any form without the written permission of the author. This electronic book is optimized for viewing on a personal computer screen, but is optimally organized so that it can be printed out and assembled in a traditional book form. Since this electronic book is optimized for viewing on a personal computer screen, the font type used is larger than that of which is traditionally utilized in printed books.

Disclaimer

This report was diligently researched and compiled with the intent to provide information for persons wishing to learn about building an internet business. Throughout the making of this consumer report, every effort has been made to ensure the highest amount of accuracy and effectiveness for the techniques suggested by the author. The report may contain contextual as well as typographical mistakes.

No information provided in this report constitutes a warranty of any kind; nor shall readers of this report rely solely on any such information or advice. All content, products, and services are not to be considered as legal, medical, or professional advice and are to be used for personal use and information purposes only. This report makes no warranties or guarantees express or implied, as to the results provided by the strategies, techniques, and advice presented in this report. The publishers of this report expressly disclaim any liability arising from any strategies, techniques, and advice presented in this report.

The purpose of this consumer report is to educate and guide. Neither the publisher nor the author warrant that the information contained within this consumer report is free of omissions or errors and is fully complete. Furthermore, neither the publisher nor the author shall have responsibility or liability to any entity or person as a result of any damage or loss alleged to be caused or caused indirectly or directly by this report.

The Four Weeks To Freedom

Adakah berbaloi untuk meninggalkan pekerjaan anda dan memulakan perniagaan internet anda sendiri?

Saya tahu anda ingin mendengar jawapan seperti... jika anda mempunyai bisnes internet sendiri, tiada seorang pun yang akan mengarah anda, anda dapat menjana wang ketika sedang tidur dan mendapat cek dalam matawang US dollar dan sebagainya. Betul tak?

Semua jawapan tersebut adalah benar dan tak dapat dinafikan tetapi lupakannya buat seketika dan lihat kenapa saya sedang melakukan perubahan yang drastik, meninggalkan pekerjaan saya dan memberanikan diri menceburi bidang yang tidak diketahui, ketika keadaan ekonomi sedang gawat.

Sejarah Tahun 2002

Saya mula didedahkan dengan peluang untuk menjana wang dari internet pada hujung tahun 2002. Secara kebetulan, saya sedang mencari mana-mana pendapatan tambahan yang dapat memberi hasil lebih daripada gaji saya -- hanya untuk suka-suka. Saya tidak peduli sekiranya saya mampu menjana \$100 atau hanya \$10 setiap bulan selagi saya menanamkan kepercayaan dalam diri saya bahawa saya mampu menjana wang selain daripada bekerja.

Pada masa itu, saya sudah pun memegang jawatan sebagai "Ketua Bahagian" dalam sebuah syarikat multinasional di Penang, Malaysia. Ia merupakan jawatan impian saya apabila saya menjejakkan kaki ke syarikat tersebut. Saya perlu menyelia

beberapa orang jurutera, ada di antara mereka yang berpangkat senior. Jawatan "Ketua Bahagian" juga, malangnya, merupakan matlamat paling akhir saya tanamkan dalam kerjaya saya.

Menjawat jawatan tersebut dalam masa 4 tahun dianggap sebagai suatu pencapaian terbaik dalam hidup saya. Saya mula dari bawah -- bekerja daripada seorang jurutera junior hingga ke peringkat senior dan akhirnya menjadi ketua bahagian. Sekiranya anda bekerja sebagai seorang jurutera, anda pasti akan menganggukkan kepala sebagai tanda setuju bahawa ia merupakan suatu perkara yang amat membanggakan dan mungkin boleh dijadikan bahan cerita untuk anak anda nanti sekiranya anda ingin beliau mengikut jejak langkah anda nanti.

Saya rasa saya sangat bertuah pada masa itu.

Dengan sebuah ijazah dalam bidang Kejuruteraan Komputer dan berada dalam sebuah syarikat yang cepat membangun, kerjaya saya berkembang... begitu juga syarikat tersebut semakin membesar.

Malangnya, selepas mencapai matlamat saya dalam syarikat tersebut, saya tiada lagi matlamat baru yang hendak ditetapkan untuk masa depan. Ini membuatkan saya teringin untuk melakukan hobi baru untuk menjana wang dengan cara lain.

Baiklah, statistik di bawah mungkin bukanlah sesuatu perkara baru untuk anda.

Anda mungkin pernah mendengar bahawa 80% pekerja mengimpikan untuk memiliki perniagaan mereka sendiri. Malangnya ramai di antara mereka berasa bosan dengan pekerjaan yang mereka tidak suka tetapi memilih melakukannya sepanjang hidup mereka. Alasan – terpaksa melakukannya.

Saya juga mempunyai impian untuk memiliki perniagaan saya sendiri dan saya tidak ingin terperangkap dengan pekerjaan saya sepanjang hidup saya.

Tahun pertama dalam syarikat kejuruteraan, saya sudah memikirkan mengenai memiliki rangkaian stesen petrol saya sendiri atau restoran-restoran McDonlad dan francais yang lain.

Saya rasa impian saya adalah impian yang luar biasa.

Dipendekkan cerita... Saya menghadiri sebuah seminar 3-hari 2-malam perniagaan internet pada penghujung tahun 2002 di Genting Highlands dan mula membina laman web bisnes pertama saya.

Pada masa tersebut, saya sangat berminat dengan internet dan masih meminatinya sehingga ke hari ini.

Jadi, saya aplikasikan segala ilmu pengetahuan yang telah saya pelajari.

Setiap malam, saya akan menghabiskan berjam-jam dengan membaca dan membina laman web saya. Saya telah mempelajari bagaimana untuk mendaftar sebuah nama domain, melanggan servis webhosting dan mempelajari bagaimana untuk menggunakan code HTML. Saya bertuah kerana saya mempunyai sebuah Ijazah Kejuruteraan Komputer dan HTML merupakan salah satu daripada bahasa 'programming' yang saya telah pelajari di universiti..

Segalanya saya lakukan sendiri.

Akhirnya, laman web tersebut telah disiapkan dalam masa sebulan dan kemudian saya perlu mempelajari bagaimana untuk mempromosikan laman web saya kepada seluruh dunia. Saya fikir ia suatu perkara yang sangat mudah -- seperti hanya letakkan laman web di internet tanpa melakukan apa-apa dan ribuan orang akan mengunjungi laman web anda.

Itulah apa yang saya fikirkan pada mulanya.

Saya hanya perlu membina sebuah laman web yang cantik, duduk dan lihat wang masuk.

Kemudian, saya sedar. Tiada seorang pun yang melawat laman web saya dan ia tidak akan sempurna sekiranya saya tidak mempromosikan laman web saya secara agresif.

Jadi, saya pun mula mempromosikan laman web saya.

Atau, saya ingat saya sudah melakukannya.

Saya menggunakan 'safelists', iklan klasified, pemasaran forum, pengiklanan ezine, membeli 'lead' dan macam-macam lagi. Tidak perlu saya katakan, saya telah menghabiskan banyak wang untuk melakukan semua ini... semuanya dalam masa yang singkat.

Bulan 2 – Saya masih belum mendapat sebarang jualan.

Bulan 3 – masih tiada jualan dan saya hampir berputus asa.

Kemungkinan isteri saya fikir bahawa saya telah hilang akal, menghabiskan banyak wang tanpa sebarang hasil, tetapi saya sangat bertuah kerana memiliki seorang isteri yang sangat memahami.

Pada masa ini, saya telah bersedia untuk mengaku kalah dan berhenti melakukannya. Saya Tanya... bentuk perniagaan apakah ini apabila anda lihat orang ramai mendakwa telah menjana ribuan dollar setiap hari sedangkan saya telah bergelut tanpa sebarang hasil?

Saya fikir saya telah ditipu -- ditipu mentah-mentah. Tanggapan saya semua gambar pendapatan dan transaksi internet ke dalam akaun bank mereka kemungkinannya hanya imej-imej Photoshop yang saya juga boleh mengupah seseorang untuk melakukannya – kemudian saya hanya perlu melakukan kerja jahat dengan menipu orang lain.

Tetapi akhirnya, suatu hari pada penghujung bulan 3, tak tahu bagaimana, saya berjaya mendapatkan seseorang untuk membeli sebuah produk affiliate yang saya promosikan kepada senarai emel saya. Komisyen yang saya perolehi ialah \$9.97.

Saya berasa sangat gembira seperti seorang budak kecil yang baru sahaja dibelikan oleh ayahnya basikal buat pertama kali dalam hidupnya. ☺

Saya tidak mengetahui apa yang telah saya lakukan hingga membuatkan pelanggan tersebut membeli produk tersebut. Saya langsung tidak pedulikannya. Yang pentingnya, ia telah menolong saya untuk memperbaharui kepercayaan saya bahawa menjana wang melalui internet adalah tidak mustahil.

Sekarang saya percaya.

Tetapi, saya tidak akan menipu anda bahawa beberapa bulan berikutnya adalah mudah. Hakikatnya, semakin banyak yang saya lakukan, semakin susah jadinya. Saya berusaha sendiri. Pada waktu ini, tiada seorang pun yang membantu saya. Saya merasakan seolah-olah saya telah menentang seluruh dunia dan tiada seorang pun di sini untuk membantu saya.

Berita baik ialah saya juga mempelajari beberapa helah dan tip dalam menjana wang secara online. Dari semasa ke semasa, saya masih berjaya mendapatkan beberapa jualan affiliate walaupun komisyennya tidak terlalu banyak untuk menampung operasi bulanan laman web saya.

Ya, hari-hari terdahulu tidak terlalu cerah buat saya.

Saya berusaha berbulan-bulan lamanya sebelum saya dapat lihat apa kekurangan saya.

2 Langkah Buat Duit Di Internet

Menjana wang melalui internet adalah perkara yang mudah. Membina sesebuah perniagaan internet pula adalah sesuatu yang berbeza.

Saya telah mempelajari cara yang sukar tetapi saya tidak ingin anda, para pembaca, untuk melalui sekali lagi pengalaman sama seperti yang telah saya lalui.

Jadi, kenapa saya mengatakan bahawa menjana wang online adalah mudah?

Ia mudah kerana anda hanya perlu mengambil 2 langkah untuk merealisasikan.

Mari kita lihat 2 langkah mudah untuk menjana wang di internet.

1. Dapatkan sebuah produk untuk dipromosikan.
2. Promosikan produk tersebut...promosikan produk tersebut...promosikan produk tersebut.

Fikirkan sejenak. Masuk akal, tak?

Pemasaran sesebuah produk perlu menyumbang kepada 90% daripada kerja yang anda sedang lakukan. Walaupun peratusan yang saya telah berikan di atas mungkin hanya suatu hipotesis, anda patut mengetahui bahawa promosi mengambil masa yang panjang untuk memastikan sesebuah produk itu terjual.

Mendapatkan sebuah produk untuk dipromosikan mungkin tidak sesukar seperti yang dilihat. Contohnya, anda boleh menjadi affiliate di ClickBank dan menjana komisyen di antara 10%-75% daripada setiap jualan yang anda lakukan daripada produk pilihan anda.

Kemudian, promosikan produk tersebut dengan agresif – mungkin dengan menggunakan Google Adwords.

Dan, begitulah bagaimana anda mampu menjana wang di internet.

Dengan hanya proses 2-langkah yang mudah, anda sedang menuju kepada jualan pertama anda secara online.

Tak percaya?

Biar saya tunjukkan bagaimana ianya dilakukan. Klik imej atau link di bawah dan tonton video yang saya sediakan untuk anda. Di dalam video ini, saya tunjukkan kepada anda caranya, produknya dan di mana saya menghasilkan jualan. Jika anda berminat, anda boleh terus tiru sahaja apa yang saya ajar di dalam video tersebut dan jadi pesaing saya – saya tak kisah. ☺



<http://www.thefourweekstofreedom.com/video.php>

Get The Unedited Audio Session For FREE! Download at
www.TheFourWeeksToFreedom.com

Tetapi, inilah hakikatnya.

Menjana wang di internet juga adalah kompetitif. Sebenarnya, terdapat ratusan dan ribuan orang sedang mencuba untuk menjana wang secara online. Sesetengah pasaran adalah sangat kompetitif sehingga usahawan yang berpengalaman juga tidak berani untuk memasuki pasaran tersebut.

Baiklah... katakan anda menjana beberapa jualan daripada proses 2 langkah mudah anda di atas. Sekarang, saya ada beberapa soalan untuk anda di sini.

Apakah yang akan terjadi sekiranya pesaing-pesaing anda menggunakan kempen Google Adwords yang lebih baik dan menjatuhkan anda daripada tempat Iklan Google anda sekarang? Apakah yang akan terjadi sekiranya mereka sanggup menghabiskan lebih banyak wang untuk kempen iklan mereka? Apakah yang akan terjadi sekiranya mereka mempunyai software yang cekap untuk mengambil alih kempen iklan anda yang dahulunya efisien?

Adakah anda masih mampu untuk menjana pendapatan yang anda idamkan?

Mungkin anda masih mampu tetapi peluangnya terlalu tipis.

Saya sudah sedia maklum mengenainya kerana ini yang berlaku kepada saya ketika saya mempromosikan produk-produk affiliate. Sebenarnya, saya telah kehilangan wang yang banyak ketika menggunakan Google Adwords buat pertama kali dan tak mungkin saya mahu mengulanginya.

Tahukah anda bahawa dunia pemasaran internet adalah sangat pantas di mana kempen iklan yang anda letakkan pada hari ini mungkin telah lapuk pada hari berikutnya (atau lebih teruk, pada jam berikutnya dengan pelancaran software dan peralatan terbaru yang dapat melakukan perkara lebih baik dalam pemasaran). Jadi, suatu jalan penyelesaian yang lebih baik (bukan proses 2 langkah) perlu dicipta dan diaplikasikan.

Sebab itulah mengapa saya mencari plan perniagaan yang lebih kukuh untuk mengekalkan pendapatan perniagaan internet saya.

Bisnes Internet

Membina sebuah perniagaan internet, dengan erti kata lain, adalah berbeza sama sekali. Anda telah mendengar Patric Chan menyebut 5 daripada 8 langkah untuk membina sesebuah perniagaan internet di dalam rakaman audio "Confidential Conversation" kami.

Ia memerlukan lebih daripada pencarian dan pemasaran produk-produk anda, tetapi dengan membina sebuah bisnes internet, anda akan kekal di dalam industri ini lebih lama dan pesaing-pesaing anda tidak akan mudah menyingkirkan anda sekiranya mereka tidak mengetahui keseluruhan proses yang anda aplikasikan ke dalam perniagaan anda... di samping itu, anda juga mampu menghasilkan pendapatan tetap, mengembangkan perniagaan anda dengan mudah, menjana wang segera bila-bila masa yang anda ingini dan pelbagai lagi manfaat yang baik.

Bagi saya, pembelajaran untuk membina sesebuah perniagaan internet dengan cara yang betul merupakan cara untuk dipraktikkan berbanding menjana wang di internet berseorangan.

Saya bukan seorang penilik nasib tetapi saya percaya inilah yang anda sedang cari.

Seperti yang saya katakan di atas, menjana wang di internet adalah mudah. Membina sebuah perniagaan internet merupakan suatu bidang yang berbeza.

Patric Chan telah menjana jutaan ringgit daripada internet dan beliau tidak mencapainya dengan mengaplikasikan model 2 langkah di atas. Dan ini adalah klu UTAMA untuk mendapat status jutawan internet, kan?

Nasihat saya ialah...tak salah untuk melakukan model 2-langkah untuk menjana wang secara online. Lagipun, anda memang mahu menjana pendapatan dengan pantas (siapa tak nak, kan?) tetapi belajar juga untuk membina perniagaan internet sebenar kerana ia akan menjamin pendapatan anda untuk jangka masa yang panjang.

Berhenti Kerja Dan Bina Bisnes Internet

Adakah berbaloi untuk meninggalkan pekerjaan anda dan membina perniagaan internet anda sendiri secara sepenuh masa?

Saya akan mengatakan bahawa ianya bergantung kepada siapa diri anda.

Saya telah menjawat pekerjaan saya bertahun lamanya sambil menjana wang di internet pada waktu yang sama. Kadang-kala, jualan produk saya dalam sebulan melebihi gaji setahun saya bekerja. Ia adalah suatu perbezaan yang besar dalam pendapatan dan saya tidak menyatakannya kepada anda untuk menunjuk-nunjuk tetapi untuk menekankan kepada anda yang anda juga mampu untuk melakukannya – sekiranya anda mempunyai orang yang tepat untuk mengajar anda dan pembelajaran yang betul untuk merealisasikannya.

Lihat, saya juga manusia biasa seperti orang lain – seperti anda.

Jadi, jangan hadkan diri anda tentang banyak mana yang anda mampu capai dalam hidup.

Seringkali, anda hanya perlu mengenali diri anda sedalamnya kerana terdapat potensi besar untuk dilepaskan dari dalam diri anda untuk kebaikan anda sendiri.

Sekiranya anda masih tidak memahaminya, mari saya berikan sesuatu yang saya telah pelajari daripada penulis buku best-seller "Rich Dad, Poor Dad", Robert Kiyosaki.

Beliau mengatakan... teruskan pekerjaan harian anda sementara anda membina perniagaan separuh masa semata-mata untuk mendapatkan pengalaman. Beliau berkata lagi, "Anda bukan sahaja mempelajari mengenai perniagaan, anda juga akan mempelajari mengenai diri anda sendiri."

Jadi, tak kira apa jua keadaan anda sekarang, ikutilah nasihat daripada Robert.

Belajar untuk membina sebuah perniagaan.

Saya telah mengambil masa berharga saya untuk mempelajari bagaimana membina sebuah perniagaan internet dengan cara yang susah. Sekarang, saya akan membawa bisnes saya ke peringkat seterusnya dengan bantuan mentor saya, Patric Chan.

Apa yang menarik ialah... anda juga boleh mempelajarinya daripada kami berdua di dalam "The Four Weeks To Freedom".

Saya doakan kejayaan anda!

ikhlas,



WAIT! Have You Listened To Our “Confidential Conversation” Yet?

Download The Unedited MP3
Audio For **FREE** So That You Know
EXACTLY What Are The Key Points
About Internet Business That Can
Make You

RICH ONLINE!

www.TheFourWeeksToFreedom.com



Get The Unedited Audio Session For FREE! Download at
www.TheFourWeeksToFreedom.com